

PENUNJUK SEKOLAH SELAMAT (PSS)

Shawal Sahid Hamid @ Hussain¹, Nur Khairunnisa Liyana Ahmad ²

¹Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Seremban

²Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti
Teknologi Mara (UiTM), Kampus Shah Alam, Malaysia

Penulis koresponden: shawalhussain@uitm.edu.my

ABSTRAK

Selaras dengan Agenda Pembangunan Lestari (SDGs 2030), inisiatif SDG 3 dan SDG 4 dalam konteks kesihatan dan kesejahteraan melalui aspek pendidikan berkualiti wajar diberi perhatian. Oleh demikian, isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah merupakan isu penting yang perlu diperhatikan. Kajian ini telah membentuk penunjuk keselamatan di sekolah melalui borang audit aspek keselamatan dan kesihatan di sekolah. Kajian ini turut menggunakan kaedah kuantitatif borang kaji selidik yang melibatkan populasi pelajar sekolah di Malaysia bagi melihat persepsi warga sekolah dalam keperluan borang audit keselamatan dan juga penilaian warga sekolah terhadap keselamatan fizikal di sekolah. Kaedah kuantitatif melalui edaran borang kaji selidik yang melibatkan sampel seramai 117 orang warga sekolah yang dipilih secara persampelan bertujuan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa seramai 107 orang responden sangat bersetuju bahawa borang audit keselamatan fizikal di sekolah wajar diwujudkan. Kajian menyimpulkan bahawa sosialisasi pengetahuan dalam kalangan warga sekolah terhadap aspek persekitaran keselamatan dan kesihatan di sekolah Malaysia memerlukan kerjasama semua pihak yang berkepentingan.

Kata kunci: Keselamatan dan kesihatan, persekitaran, penunjuk, sekolah selamat,

1.0 PENGENALAN

Program Sekolah Selamat telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2002 bagi mewujudkan budaya persekitaran selamat di sekolah secara berterusan dengan sokongan keluarga dan masyarakat setempat (KPM 2004). Pelancaran program sekolah selamat merupakan satu usaha yang proaktif oleh pihak KPM dengan persediaan buku konsep dan manual sekolah selamat kepada semua sekolah di Malaysia. Hal ini membuktikan pihak kerajaan melalui KPM amat menitikberatkan tahap keselamatan di sekolah. Oleh itu, keperluan mewujudkan persekitaran selamat melalui pembentukan borang audit keselamatan di sekolah mampu menghasilkan penunjuk persekitaran yang selamat di sekolah.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada sesi pertama persekolahan 2021 seorang pelajar parah akibat terjatuh dari tingkat tiga bangunan sebuah sekolah menengah di Kuching Sarawak (Berita harian 2021). Potensi risiko bahaya boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu daripada keadaan persekitaran sekolah yang tidak selamat dan aktiviti yang dilakukan di sekolah. Oleh itu, penyelenggaraan bangunan sekolah adalah amat penting bagi memastikan kawasan sekolah berada dalam keadaan selamat (Anuar Ithnin 2015). Menilai kepada potensi kecederaan dan risiko bahaya dalam institusi pendidikan umumnya, kajian ini bermatlamat meninjau penilaian persepsi warga

Penunjuk Sekolah Selamat (PSS)

sekolah di Malaysia terhadap persekitaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah. Pembentukan borang audit keselamatan fizikal di sekolah ini dibentuk bagi membentuk penunjuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah. Berdasarkan kajian yang dijalankan di sekolah semenanjung Malaysia di dapati keperluan penunjuk tahap keselamatan dan kesihatan di sekolah adalah perlu memandangkan sekolah di Malaysia masih belum menghasilkan borang audit fizikal keselamatan di sekolah secara seragam. Jadual 1 menunjukkan persepsi warga sekolah terhadap keperluan wujudnya borang audit keselamatan fizikal di sekolah. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan secara keseluruhannya responden sangat bersetuju terhadap kewujudan borang audit keselamatan fizikal di sekolah. Hasil dapatan mendapati seramai 107 orang warga sekolah bersetuju bawa borang audit keselamatan fizikal perlu diwujudkan di sekolah.

Jadual 1: Persepsi warga sekolah terhadap keperluan borang audit keselamatan fizikal disekolah

Item	Sangat bersetuju	Setuju	Agak bersetuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju	Min
1. Borang audit keselamatan fizikal perlu diwujudkan di sekolah.	107	3	7	0	0	4.87
2. Borang audit keselamatan fizikal mampu mengurangkan kadar risiko keselamatan di sekolah.	105	7	5	0	0	4.82
3. Borang audit keselamatan fizikal dapat membantu pihak pengurusan dalam penilaian keselamatan fizikal di sekolah.	102	5	10	0	0	4.77
4. Borang audit keselamatan fizikal dapat membantu mengurangkan kecederaan dan kemalangan di sekolah.	98	10	9	0	0	4.56
5. Borang audit keselamatan fizikal di sekolah dapat membantu pihak pentadbir sekolah untuk menambahbaik dan meningkatkan tahap keselamatan di sekolah.	91	20	6	0	0	4.41

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Produk kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membentuk borang audit dan penilaian keselamatan fizikal yang lengkap dan membentuk penunjuk keselamatan di sekolah. Dua kaedah ini mampu memberi penilaian yang tepat melalui teknik triangulasi borang audit dan borang soal selidik. Hal ini bagi mengurangkan kadar risiko keselamatan fizikal, kemalangan dan kec di sekolah.

4.0 SOROTAN LITERATUR

Program berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah telah mula diperkenalkan di Malaysia bermula dengan Rancangan Kesihatan Sekolah (RKS). RKS telah diwujudkan sejak tahun 1967, sebagai satu rancangan bersepadu dan komprehensif di antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Rahmah 1999).

Pada tahun 1996, KKM dengan kerjasama KPM telah melaksanakan projek *Health Promoting School* (HPS) di enam buah negeri iaitu Johor, Kedah, Melaka, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Berdasarkan kepada konsep HPS yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berteraskan Ottawa Charter. Persidangan HPS yang telah diadakan pada bulan Disember 1996 di antara KKM dan KPM telah mencadangkan supaya RKS sedia ada diberi nafas baru, dengan mewujudkan Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS). Tujuan PBSS ialah untuk menyatupadukan dan menyelaraskan semua aktiviti berkaitandengan kesihatan sekolah (Rahmah 1999).

Seterusnya konsep sekolah selamat yang diperkenalkan oleh pihak KPM adalah sekolah yang selamat dimana warga sekolah merasa selamat tanpa gangguan daripada mana mana pihak sama ada dari dalam mahupun luar (KPM 2004). Bagi memastikan keselamatan sekolah sentiasa berada pada tahap memuaskan serta terjamin, Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) telah menggubal satu mekanisme penarafan keselamatan yang seragam dinamakan Piawai Keselamatan Sekolah (PKS) untuk diguna pakai di semua sekolah di Malaysia.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan menilai aspek persekitaran keselamatan dan kesihatan di sekolah Malaysia. Kajian menggunakan pendekatan triangulasi iaitu melalui borang audit dan kaedah kuantitatif (analisis deskriptif) bagi mendapatkan persepsi warga sekolah terhadap keperluan pembentukan borang audit penunjuk sekolah selamat. Kaedah pemungutan data terdiri daripada sumber primer (Bailey, 2007). Di Malaysia, populasi kajian sejumlah 280 orang, melibatkan 12 buah sekolah di Semenanjung Malaysia yang merangkumi 3 kategori jenis sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sampel kajian dipilih secara bertujuan melibatkan 117 orang atas faktor pemilihan kriteria yang ditetapkan dari awal proses kajian. Lokasi kajian melibatkan sekolah di 4 zon utama Semenanjung Malaysia iaitu di zon selatan, zon tengah, zon pantai timur dan zon utara. Sekolah yang terpilih merupakan sekolah dalam kategori sekolah bandar dan luar bandar. Sekolah yang terpilih dalam kajian ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Rompin (SMKR), Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko (SMKJR), Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jana (SMKBJ), Sekolah Menengah Kebangsaan Felcra Bukit Kepong (SMKFBK), Sekolah Tun Fatimah (STF), Sekolah Sultan Alam Shah (SAS), Sekolah Menengah Sains Rembau (SEMESRA), Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor (SEMASHUR), Kolej Vokasional Ipoh, Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja Rembau, Kolej Vokasional Sultan Ahmad Shah Kuala Rompin dan Kolej Vokasional Sepang.

5.0 PENGANALISISAN DATA

Data skor yang diperolehi melalui borang audit keselamatan adalah merupakan data mentah. Data-data tersebut akan dianalisis secara kumulatif berdasarkan skor yang telah diperolehi, data ini juga dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Teknik ini digunakan bertujuan untuk menghuraikan dapatan kajian daripada kajian audit yang dilakukan. Hasil analisis di setiap kawasan sekolah dikelaskan kepada beberapa kategori untuk menentukan tahap

keselamatan di setiap kawasan dan dipersembahkan dalam bentuk rajah dan jadual. Jumlah skor setiap kawasan dikira berdasarkan formula di tersebut:

$$\Sigma = \frac{\text{Skor diperoleh}}{\text{Skor maksimum}} \times 100 \%$$

5.1 PEMBINAAN PENUNJUK KESELAMATAN BORANG AUDIT

Metod seterusnya yang digunakan ialah membina dan menghasilkan penunjuk keselamatan dalam borang audit atau borang senarai semak. Dalam proses tersebut, langkah awal yang dijalankan ialah mendapatkan borang audit atau borang senarai semak daripada agensi dan institut keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UKM, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) dan Pejabat Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH). Seterusnya beberapa penunjuk keselamatan yang terdapat dalam borang senarai semak yang diperolehi diambil dan diubahsuai menjadi borang audit keselamatan di sekolah. Penunjuk-penunjuk keselamatan yang diambil telah diubahsuai mengikut kesesuaian struktur dan Kawasan di sekolah. Selain mengambil beberapa penunjuk keselamatan dari borang audit ketiga-tiga agensi, beberapa penunjuk lain juga ditambah dan dimasukkan ke dalam senarai penunjuk yang sedia ada. Hal ini supaya borang audit tersebut merangkumi ke semua aspek teknikal keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah.

Pengiraan skor dibuat berdasarkan skor yang diberikan kepada setiap kriteria yang diaudit. Skor ditetapkan seperti dalam Jadual 2 yang menunjukkan nilai skor bagi setiap tahap keselamatan kriteria yang diaudit.

Jadual 2 Nilai skor

TIADA	SEDERHANA	BAIK	SANGAT BAIK
1	2	3	4

Terdapat empat kawasan secara am yang diaudit iaitu pejabat am, blok pentadbiran, blok bilik darjah dan kawasan kemudahan. Setiap kawasan akan diaudit berdasarkan kriteria yang dipilih dan audit keselamatan yang dilakukan akan menilai keadaan kriteria berdasarkan yang terdapat di dalam senarai semak pemeriksaan keselamatan sekolah.

Kriteria yang terdapat didalam penilaian bangunan am antaranya seperti lantai yang digunakan, bumbung, tangga, susunan am, pintu dan sebagainya seperti yang terdapat didalam senarai semak audit keselamatan. Skor yang diberikan kepada setiap kriteria adalah berdasarkan penilaian yang dibuat semasa proses audit keselamatan dijalankan iaitu sekiranya kriteria yang diaudit tidak terdapat atau tiada maka nilai skor yang diberikan adalah satu dan seterusnya jika kriteria tersebut berkeadaan baik dan nilai skor dua, nilai skor tiga bagi berkeadaan baik dan nilai maksimum iaitu empat bagi berkeadaan sangat baik.

Setiap kriteria yang diaudit terdapat beberapa ciri yang di nilai mengikut kesesuaian yang telah dicatatkan di dalam senarai semak audit keselamatan sekolah seperti lantai akan di nilai sama ada berkeadaan bersih, air tidak bertakung, berlubang dan tidak licin. Oleh itu, sekiranya bagi kriteria lantai yang diaudit jika diperhatikan terdapat empat ciri yang dinilai dan setiap ciri-ciri tersebut diberikan nilai skor maksimum empat. Semasa audit dilakukan ciri-ciri

bagi kriteria lantai hanya memperoleh nilai skor tiga daripada nilai maksimum empat dan ciri yang lain juga memperoleh keempat-empat ciri tersebut dicampurkan untuk mengetahui nilai skor keseluruhan bagi kriteria lantai yang diaudit. Sebagai contoh di jadual 3, nilai skor maksimum bagi lantai yang mempunyai empat ciri di dalamnya adalah 16 kerana bagi setiap ciri di dalam kriteria diberikan nilai maksimum empat tetapi setelah audit dijalankan mendapati keempat-empat ciri tersebut iaitu bagi ciri bersih mendapat nilai skor tiga, air tidak bertakung nilai skornya tiga, berlubang mendapat nilai skor empat dan tidak licin mendapat skor tiga maka ke semua nilai skor empat ciri tersebut dicampurkan 14 daripada 16 nilai skor maksimum.

Jadual 3 Contoh pengiraan nilai skor

Kriteria	Skor maksimum	Skor (1-4)
Lantai yang digunakan		
• Bersih	4	3
• Air tidak bertakung	4	3
• Berlubang	4	4
• Tidak licin	4	3
Jumlah nilai skor	16	13

Pengiraan skor secara keseluruhan bagi setiap kawasan dan blok bangunan dilakukan dengan melihat jumlah keseluruhan yang terkumpul setelah semua kriteria yang terdapat didalam kawasan tersebut pelbagai kriteria didalamnya dikira dan membandingkan nilai skor keseluruhan yang diperolehi dengan nilai skor maksimum. Jadual 3 menunjukkan contoh pengiraan skor keseluruhan bagi memperoleh peratusan tahap keselamatan yang diperolehi adalah berdasarkan formula pengiraan dan nilai peratusan skor tahap keselamatan yang diperolehi adalah berdasarkan formula pengiraan dan nilai peratusan skor tahap keselamatan yang diperolehi dibandingkan bagi mengetahui tahap keselamatan yang boleh diberikan kepada kawasan atau blok kediaman berkenaan samaada selamat atau tidak berdasarkan penunjuk peratusan tahap keselamatan di sekolah.

Jadual 4 Contoh pengiraan skor keseluruhan

Kriteria	Skor maksimum	Skor diperolehi
Lantai	16	16
Bumbung	12	12
Tangga	28	28
Laluan keluar	16	16
Papan tanda "keluar"	12	12
Susunan am	16	13
Pengadang/pagar	8	8
Pintu	16	10
Pencahayaan	12	12
Peralatan keselamatan	8	6
Alat pemadam kebakaran	32	32
Alat pengesan kebakaran	8	8
Gelung hos	8	8
Pelan bangunan	12	3
Polisi keselamatan	16	4
Jumlah Skor	220	187
Peratus (%)	100	85.5

Nilai skor keseluruhan yang di perolehi berdasarkan dalam contoh Jadual 4 ialah 85.5 peratus maka kawasan tersebut berada pada tahap satu iaitu sangat selamat berdasarkan penetapan keselamatan di dalam jadual 5.

Jadual 5 Penunjuk peratusan skor tahap keselamatan di sekolah

Tahap	Perkara	Peratus (%)
1	Berkeadaan sangat selamat	75 hingga 100
2	Berkeadaan selamat	51 hingga 74
3	Berkeadaan kurang selamat	50
4	Berkeadaan tidak selamat	1 hingga 49

Sumber: Ubahsuai daripada NIOSH, JKPP UKM 2016 dan DOSH 2017

5.0 ANALISIS KAJIAN PENILAIAN PERSEPSI WARGA SEKOLAH

Jadual 2 menunjukkan borang audit penilaian warga sekolah terhadap aspek kemudahan dan keselamatan di sekolah. Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap warga sekolah didapati min tertinggi dicatatkan di pejabat am iaitu sebanyak 4.00 dengan sisihan piawai sebanyak 0.734 manakala min terendah dicatatkan di tandas pelajar iaitu 3.51 dengan sisihan piawai 0.862. Hasil daripada pemerhatian, mendapati aspek keselamatan dan kesihatan di tandas pelajar tidak dilaksanakan dengan terutamanya dari sudut kebersihan. Namun begitu, secara keseluruhannya penilaian warga sekolah terhadap aspek kemudahan dan keselamatan di sekolah memberi penilaian pada aras 'memuaskan' dengan nilai min sebanyak 3.81 dan sisihan piawai 0.480.

Jadual 6 Borang persepsi penilaian keselamatan dan kesihatan warga sekolah Malaysia

Aspek keselamatan	MIN	Sisihan piawai	Skala MIN
Bangunan sekolah	3.80	0.751	Memuaskan
Pintu pagar	3.97	0.734	Memuaskan
Pagar sekolah	3.91	0.758	Memuaskan
Pondok kawalan.	3.95	0.769	Memuaskan
Papan tulis.	3.90	0.719	Memuaskan
Lantai bilik darjah	3.78	0.728	Memuaskan
Tingkap bilik darjah	3.71	0.799	Memuaskan
Pintu bilik darjah	3.71	0.777	Memuaskan
Kerusi guru.	3.82	0.760	Memuaskan
Kerusi pelajar.	3.82	0.756	Memuaskan
Meja guru.	3.83	0.783	Memuaskan
Meja pelajar.	3.84	0.772	Memuaskan
Siling bilik darjah	3.83	0.755	Memuaskan
Kipas bilik darjah..	3.84	0.738	Memuaskan
Papan kenyataan bilik darjah..	3.85	0.747	Memuaskan
Pemasangan saluran gas makmal.	3.93	2.477	Memuaskan
Penyimpanan bahan berbahaya makmal	3.77	0.772	Memuaskan
Peralatan perabot makmal.	3.83	0.781	Memuaskan

Papan notis peraturan dan cara-cara Keselamatan di makmal.	3.86	0.726	Memuaskan
Bangunan makmal.	3.90	0.747	Memuaskan
Tingkap makmal	3.90	0.716	Memuaskan
Pintu makmal	3.86	0.766	Memuaskan
Bangunan bengkel	3.91	0.720	Memuaskan
Tempat menyimpan peralatan bengkel	3.94	0.696	Memuaskan
Peralatan perabot bengkel	3.89	0.686	Memuaskan
Papan notis peraturan dan cara-cara Keselamatan di bengkel. Tempat letak kenderaan guru.	3.71	0.957	Memuaskan
Tempat letak kenderaan pelajar.	3.95	3.120	Memuaskan
Bilik perpustakaan.	4.00	0.728	Sangat memuaskan
Pejabat am	4.00	0.734	Sangat memuaskan
Bilik makmal komputer.	3.93	0.710	Memuaskan
Bilik-bilik stor.	3.71	0.744	Memuaskan
Sistem pendawaian elektrik.	3.67	0.776	Memuaskan
Sistem pembentungan.	3.63	0.753	Memuaskan
Tandas pelajar.	3.51	0.862	Memuaskan
Tandas guru.	3.68	0.776	Memuaskan
Siling bangunan.	3.68	0.776	Memuaskan
Keadaan tangga.	3.72	0.754	Memuaskan
Kawasan padang permainan.	3.82	0.776	Memuaskan
Papan notis peraturan keselamatan tentang kegiatan sukan olahraga.	3.81	0.725	Memuaskan
Kantin sekolah.	3.67	0.807	Memuaskan
Keadaan peralatan elektrik seperti kipas, lampu, dan lain-lain.	3.72	0.743	Memuaskan
Fungsi alat penggera keselamatan.	3.68	0.748	Memuaskan
Fungsi alat pemadam api.	3.74	0.780	Memuaskan
Gelongsang di bangunan sekolah	3.68	0.780	Memuaskan
Purata min	3.81	0.480	Memuaskan

7.0 KOMERSIAL DAN POTENSI

Pembentukan borang audit petunjuk keselamatan di sekolah ini mampu meningkatkan tahap persekitaran keselamatan yang lebih baik di sekolah. Borang audit keselamatan ini dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mengenalpasti tahap keselamatan di sekolah. Borang audit ini juga boleh dipasarkan dan dijadikan alat pengukur keselamatan di sekolah swasta.

8.0 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, elemen aspek penilaian persekitaran keselamatan dan kesihatan di sekolah adalah penting dalam memberi jaminan keselamatan kepada warga sekolah amnya dan murid khususnya. Kajian ini menyimpulkan bahawa tahap pengetahuan yang lebih baik dari segi implementasi aspek keselamatan dan kesihatan berupaya ditingkatkan dengan adanya proses sosialisasi pengetahuan oleh pihak berkepentingan di sekolah melalui borang

RUJUKAN

- Anuar Ithnin. (2015). *Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Bailey, C. A. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research*. Edisi ke-2. London: Pine Forge Press.
- BS Wijanarka, Th. Sukardi, D. Rahdiyanta & Y. Ngadiyono. (2018). Evaluation of implementation of health and safety in industry and vocational school in Yogyakarta Special Region. *Journal of Physics: Conference Series*. 1273 (2019) 012063. doi:10.1088/1742-6596/1273/1/012063.
- Chua Yan Piaw. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Davison, KK. & Lawson, C.T. (2006). Do attributes in the physical environment influence children's physical activity? A review literature. *International Journal of Behavioural Nutrition and Physical Activity*.3(19): 1-17.
- Didin Komarudin, Wowo S. Kuswana & Ridwan A.M. Noor. (2016). Kesehatan dan keselamatan kerja di SMK. *Journal of Mechanical Engineering Education*, Vol. 3, No. 1.
- Davison, KK. & Lawson, C.T. (2006). Do attributes in the physical environment influence children's physical activity? A review literature. *International Journal of Behavioural Nutrition and Physical Activity* 3(19): 1-17.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Konsep dan Manual Sekolah Selamat*. Kementerian Pendidikan Malaysia 2003 Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia: Balakong Selangor.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). *Laporan Disiplin Pelajar Sekolah Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Melvin Joni.(19 Januari 2021). Pelajar parah dipercayai terjatuh dari bangunan sekolah. *BeritaHarian Online*. Bahan diakses pada 4 Oktober 2021 ,daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/01/778169/pelajar-parah-dipercayai-terjatuh-dari-bangunan-sekolah>.
- Mufidah, L., & Tejamaya, M. (2019). Analysis of occupational safety and health risk perception of elementary school employees in Depok City, Indonesia. *Indian Journal of Public Health Research and Development*, 10(5), 1368-1373. <https://doi.org/10.5958/0976-5506.2019.01121.5>.
- Rahmah, M.A. (1999). Rancangan kesihatan sekolah. *Jurnal Kesihatan Masyarakat*. 5(1): 90-94
- Satriyo Agung Dewanto, Muhammad Munir & Bektu Wulandari. (2020). Implementasi Prosedur K3 pada Kegiatan Belajar Mengajar Praktik di Prodi PT Elka UNY. *ELINVO (Electronics, Informatics, and Vocational Education)*, November 2020;5(2): 160-167. ISSN 2580-6424 (printed), ISSN 2477-2399 (online,) DOI: <https://doi.org/10.21831/elinvo.v5i2.36109>.